

11/07/1998

Sukom bakal temasya terbaik

BERMULA dengan kawasan ladang getah seluas 120 hektar di Bukit Jalil, Kuala Lumpur, dengan perancangan yang teliti, hari ini rakyat dapat melihat tersergam indahna sebuah kompleks sukan yang memfokuskan pendekatan Sukan Olimpik dengan pelbagai kemudahan canggih dan termoden.

Selepas Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, malam ini rakyat Malaysia akan menyaksikan satu lagi mercu tanda kemegahan negara apabila Kompleks Sukan Negara (KSN) yang dibina dengan harga RM1.28 bilion untuk Sukan Komanwel ke-16, dirasmikan pembukaannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, sejak Malaysia diumumkan sebagai tuan rumah Sukan Komanwel, Kuala Lumpur '98 tidak sunyi daripada cakap-cakap yang kurang menyenangkan. Bermula dengan kelewatan pembinaan gelanggang, masalah jerebu hinggalah kepada catuan bekalan air terutamanya digembar-gemburkan oleh media asing, perbelanjaan kita mengadakan sukan itu juga dikatakan berlebihan. Malah ada pihak yang secara terbuka membandingkan persiapan Kuala Lumpur 98 dengan temasya di Victoria, empat tahun lalu. Ketika Kanada menjadi tuan rumah, temasya itu kononnya masih dapat dilangsungkan tanpa memerlukan perbelanjaan yang besar. Tidak seperti Kuala Lumpur, ia hanya menggunakan stadium sebuah universiti sebagai gelanggang utama. Bagi kita, perasmianya malam ini secara langsung menangkis segala gambaran negatif itu. Kita gembira segala kerja keras dan perancangan teliti pembinaan kompleks sukan antara yang termoden di dunia itu sejak hampir empat tahun lalu, kini bersedia menerima kehadiran 6,000 atlit dari 68 negara Komanwel, September ini.

Selain membuktikan kita mempunyai kemampuan dari segi sumber kewangan, kompleks sukan itu dan kemudahan lain yang disediakan juga menyerlahkan keupayaan Malaysia membina dan memiliki kompleks bertaraf dunia. Bagi kita semua tohmahan dan pandangan buruk itu jelas menggambarkan sikap mereka yang mencemburui kejayaan dan kebolehan rakyat serta negara yang kini semakin dikenali di peta dunia. Segala persiapan menyediakan kemudahan itu sudah diperuntukkan mengikut keperluan. Kita yakin Kuala Lumpur '98 tidak akan menjadi satu temasya yang akan dilihat ramai sebagai menggambarkan Malaysia boros berbelanja. Kita percaya tidak ada sesuatu yang keterlaluan dalam menganjurkan temasya malah, kerajaan sudah pun banyak memotong beberapa perbelanjaan berdasarkan keadaan kegawatan yang kita hadapi. Pendirian kerajaan dalam hal ini adalah jelas. Kerajaan memang akur perlunya belanjawan dikurangkan tetapi bukanlah sehingga boleh menjejaskan kemeriahan dan imej temasya itu yang dianggap begitu berprestij selepas Sukan Olimpik. Malah kita percaya Kuala Lumpur '98 kali ini tetap akan menjadi temasya yang cukup berjaya dengan acaranya pula akan dikenang sebagai yang terbaik oleh seluruh peminat sukan dunia walaupun ia dikendalikan ketika Malaysia mengalami suasana ekonomi yang tidak menggalakkan. Kita yakin kompleks itu tidak akan menjadi 'gajah putih' seperti tanggapan yang dilemparkan oleh sesetengah pihak. Pelbagai acara dan pertandingan peringkat antarabangsa juga boleh dikendalikan di situ berdasarkan pelbagai kelengkapan dan peralatan canggih yang diadakan. Malah bekas Presiden Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (Fifa), Dr Joao Havelange pernah menyatakan bahawa Malaysia berupaya menganjurkan Piala Dunia berdasarkan kemudahan gelanggang yang dimilikinya. Ditambah pula dengan stadium baru di Bukit Jalil itu, jelas beliau, Malaysia mempunyai peluang merealisasikan impian menjadi penganjur kejohanan terbesar dunia

itu. Dengan kemudahan lengkap itu, Malaysia sebagai negara yang menjadi ahli gabungan Fifa berhak untuk membuat tawaran.

Kita mahu selepas Sukom '98 berakhir, kompleks itu juga digunakan untuk pelbagai aktiviti yang tidak bertumpu kepada acara sukan saja. Malah, kompleks yang mengandungi lima gelanggang iaitu stadium utama, stadium hoki, kolam renang, stadium tertutup dan stadium skuasy itu juga dapat dijadikan tarikan pelancong dan taman rekreasi berkeluarga.

Rakyat mengakui kompleks itu sememangnya menakjubkan dan ia adalah ibarat permata kepada negara serta juga rantau ini. Walaupun pembinaannya melalui pelbagai celaan oleh pihak asing, kita mahu rakyat tempatan tidak turut mencerca usaha yang kita sendiri laksanakan. Pada masa yang sama ia perlu dijaga dan digunakan sebaik-baiknya.

(END)